

Newspaper	Berita Harian
Date	3 March 2016

'Saya bukan pemimpin hanya fikirkan kedudukan'

BH-3/3/2016

» PM tekad teruskan mandat diterima



Fazli Abdullah
fazliabdullah@bh.com.my
Makkah

Datuk Seri Najib Razak menegaskan beliau bukan pemimpin yang hanya memikirkan kedudukan seperti didakwa oleh Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, jawatannya sekarang adalah mandat ahli parti yang memilihnya melalui proses paling terbuka dalam sejarah UMNO

berasaskan prinsip demokrasi.

"Jadi, saya beriltizam meneruskan mandat yang diterima daripada ahli UMNO," katanya kepada media Malaysia selepas menyampaikan ucapan dalam Forum Ekonomi Jeddah, di sini malam kelmarin.

Beliau diminta mengulas alasan Dr Mahathir keluar UMNO, kononnya parti itu bukan lagi sebuah parti politik, sebaliknya untuk kepentingan individu.

Sambil menyifatkan keputusan Dr Mahathir itu bukan sesuatu yang mengejutkan, Najib berkata, UMNO akan meneruskan agenda parti.

"Kita perlu lebih fokus kepada perkara yang mahu diperjuangkan supaya UMNO lebih kukuh kerana parti perlu berdepan segala cabaran, terutama sekali persediaan untuk menghadapi pilihan raya akan datang," katanya.

“

Kita perlu lebih fokus kepada perkara yang mahu diperjuangkan supaya UMNO lebih kukuh kerana parti perlu berdepan segala cabaran”

Najib Razak,
Perdana Menteri

Ditanya adakah tindakan Dr Mahathir akan memberi kesan kepada UMNO, Najib berkata, ia mungkin tidak menggugat parti.

Tidak gugat UMNO

"Biasanya kalau keluar parti, kesan ketika kali pertama (keluar parti), tetapi ini (Dr Mahathir keluar UMNO) sudah

kali kedua. Orang kata tidak sangat beri impak yang boleh gugat UMNO," katanya.

Mengenai tindakan berterusan Dr Mahathir mengeluarkan kenyataan yang kemudian dipetik oleh media asing sehingga menjejaskan negara, Najib berkata, apa yang penting ialah beliau akan terus mempertahankan UMNO dan kerajaan.

Katanya, apa yang dilakukan Dr Mahathir tidak akan mengalih pandangan kerajaan daripada tugas utama untuk terus membangunkan negara.

"Kerajaan akan pastikan dalam keadaan ekonomi yang sangat mencabar dan tidak menentu ini, kesejahteraan rakyat tidak terabai," katanya.

o Peluang pelaburan di luar negara jana ekonomi - BISNES B1